

SISTEM PROMOSI BUKU BAHARU BERASASKAN WEB

Syahanim Mohd Salleh
Nur Hanifah Binti Rosmizi

Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Di Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), tiada sistem yang dibangunkan untuk mempromosi buku baharu dan ini telah mengakibatkan ramai pengguna terutamanya pelajar, pensyarah dan orang luar selain pelajar UKM tidak mengetahui kewujudan dan keberadaan koleksi buku baharu. Oleh kerana itu, sistem di PTSL haruslah mewujudkan suatu sistem yang membolehkan pengguna mengetahui koleksi buku baharu di sana. Sistem ini diberikan nama sebagai Sistem Promosi Buku Baharu berasaskan Web. Sistem Promosi Buku Baharu ialah suatu sistem yang akan dibangunkan bertujuan mempromosi koleksi buku baharu terutamanya buku edisi terkini bagi kegunaan pengguna yang terdiri daripada pelajar, pensyarah dan orang luar. Sistem ini membolehkan pengguna memberi saranan buku, Manakala pada pustakawan pula menyediakan fungsi seperti mempromosi buku baharu, menentukan bajet keseluruhan, menentukan kategori buku dan mengurus pangkalan data buku baharu contohnya menambah, memadam dan mengedit maklumat buku baharu. Maklumat buku baharu seperti ID, tajuk, pengarang dan penerbit akan disimpan di dalam sistem bagi kegunaan pengurusan perpustakaan. Teknologi yang digunapakai dalam membina Sistem Promosi Buku Baharu adalah menggunakan teknologi pengaturcaraan web yang menggunakan HTML, PHP, CSS, JavaScript dan Bootstrap. Sistem Promosi Buku memudahkan pengguna mengetahui koleksi buku baharu bagi edisi terkini secara atas talian supaya peratus carian buku baharu menjadi lebih tinggi dan selaras dalam pembangunan teknologi maklumat semasa.

Teknologi maklumat sudah menjadi tunggak utama dalam pengurusan sesebuah organisasi yang memberi impak besar seperti pengurusan maklumat kakitangan, pensyarah dan pelajar, pengurusan dana dan kewangan serta pengurusan perpustakaan. Perpustakaan secara lazimnya adalah tempat penyimpanan buku-buku atau bahan dalam jumlah yang besar dan melibatkan pengguna yang terdiri daripada mahasiswa, kakitangan pensyarah dan juga orang luar.

Setiap tahun Perpustakaan Sri Lanang (PTSL) akan memperuntukkan bajet untuk keperluan fakulti melalui pensyarah. Kebanyakan pensyarah akan menyarankan beberapa buku untuk dibeli oleh perpustakaan mengikut keperluan fakulti. Perpustakaan akan menerima permohonan daripada pensyarah untuk membeli beberapa buku mengikut keperluan dan perpustakaan juga boleh menolak permohonan tersebut jika tiada keperluan atau bajet diperuntukkan. Dengan adanya suatu sistem yang boleh memeriksa sama ada permohonan pembelian buku diluluskan atau tidak, pensyarah boleh mengetahui sebab permohonan tidak diluluskan. Maklumat buku yang telah dibeli akan disimpan di UKM Library Catalogue dikenali sebagai Gemilang.

Gemilang merupakan sebuah pusat katalog untuk mencari buku siri dan bahan lain yang dimiliki perpustakaan dan dikemaskini setiap hari serta boleh diakses dari mana-mana komputer berangkaian. Pembinaan sistem maklumat bagi Gemilang ini dijangka dapat mempromosikan buku baharu edisi terkini dan memudahkan pengurusan perpustakaan.

Ia juga dapat membantu pengguna terutamanya pelajar untuk mencari dan menyemak buku sebagai rujukan di perpustakaan secara atas talian. Setelah pembelian buku baharu dilaksanakan, koleksi buku baharu akan diumpukkan bersama-sama dengan buku yang sedia ada dan mengakibatkan pengguna sama sekali tidak menyedari akan kewujudan buku tersebut. Kita sebagai pengguna boleh menyemak dan membuat pembelian buku baharu edisi terkini melalui laman web yang sedia ada contohnya Amazon.com dan Acmamall.com.

Malalui laman web ini, pengguna boleh membeli dan memeriksa buku baharu edisi terkini mengikut keperluan masing-masing kerana semua jenis buku adalah dari serata dunia. Seperti perpustakaan di UKM, koleksi buku baharu diletakkan di suatu sudut khas di dalam perpustakaan itu sendiri bagi tujuan mempromosikan buku baharu supaya pengguna mengetahui akan kewujudan buku tersebut.

2 PERMASALAHAN KAJIAN

Pada era teknologi maklumat kini, ramai pelajar semakin bergantung kepada maklumat atau rujukan yang ada di dalam Internet, membuatkan mereka jarang dan kurang berminat untuk pergi ke perpustakaan justeru menjadikan peratus carian buku edisi terkini berkurangan setiap tahun. Kebanyakan pensyarah akan menyarankan beberapa buku untuk dibeli oleh perpustakaan mengikut keperluan fakulti. Perpustakaan akan menerima beberapa permohonan daripada pensyarah untuk membeli beberapa buku mengikut keperluan dan perpustakaan juga boleh menolak permohonan tersebut jika tiada keperluan atau bajet diperuntukkan. Dengan adanya suatu sistem yang boleh memeriksa sama ada permohonan pembelian buku diluluskan atau tidak, pensyarah boleh mengetahui asbab permohonan tidak diluluskan. Beberapa pilihan buku yang telah dipilih oleh perpustakaan akan diletakkan di suatu sudut khas untuk mempromosikan koleksi buku baharu di perpustakaan UKM supaya ramai pengguna khususnya pelajar dan pensyarah mengetahui kewujudan buku tersebut.

3 OBJEKTIF KAJIAN

Matlamat projek ini adalah bagi membina satu laman web bertujuan mempromosikan buku-buku baharu atau rujukan baharu untuk perpustakaan UKM. Perpustakaan UKM terbahagi kepada tiga iaitu perpustakaan lingkungan 1, perpustakaan lingkungan 2 di UKM Bangi dan perpustakaan perubatan di UKM Kuala Lumpur. Sistem ini mempunyai :

- i. Mempromosikan buku baharu edisi terkini kepada pelajar, pensyarah serta warga UKM.
- ii. Menentukan platform yang bersesuaian pada persekitaran domain kajian bagi tujuan promosi.

4 METOD KAJIAN

Metodologi proses model yang digunakan adalah 'waterfall model'. Proses model ini berbentuk linear, mudah difahami dan mudah digunakan. Model ini sesuai dengan keadaan dan isu projek pembangunan sistem aplikasi bagi perpustakaan. Proses model ini digunakan kerana keperluan sistem ini sudah sangat jelas dari segi permasalahan dan bersifat tetap. Selain itu, definisi projek dan pemahaman dari segi permasalahan adalah mudah kerana permasalahan ini

sudah berbangkit dari beberapa jangka masa sebelumnya. Tambahan pula, pengujian sistem ini hanya memberi impak yang kecil kerana kebarangkalian untuk mempunyai perubahan semasa pembangunan sistem adalah kecil tetapi kebarangkalian untuk ada sebarang penambahan adalah tinggi dan boleh dikawal.

4.1 Fasa Analisis

Fasa pertama dalam 'Waterfall Model' ialah fasa analisis. Dalam fasa ini ialah menganalisa masalah yang dihadapi oleh mahasiswa UKM pada masa kini berkaitan dengan promosi buku. Fasa ini telah dibincangkan dan dinyatakan penyataan masalah, objektif dan matlamat kajian.

4.2 Fasa Perancangan

Fasa perancangan merupakan fasa kedua dalam 'waterfall model' selepas fasa analisa. Pembangun membuat perancangan dari segi reka bentuk antaramuka, rajah aliran dan rajah konteks yang akan digunakan dalam fasa pelaksanaan kelak sebagai panduan membangunkan sistem promosi buku baharu. Pada fasa ini, pembangun merancang dan memilih perisian bagi membangunkan sistem dengan melihat dari aspek spesifikasi perisian tersebut. Rajah alirann dan rajah konteks dibina dan reka bentuk antaramuka dilakar supaya mendapat gambaran yang lebih jelas tentang sistem yang akan dibangunkan.

4.3 Fasa Pelaksanaan

Fasa pelaksanaan adalah proses pembangunan sistem menggunakan perisian. Setiap perancangan sebelum ini digunakan sebagai panduan bagi membangunkan sistem yang mencapai objektif dan matlamat projek. Perisian HTML digunakan untuk membangunkan sistem.


4.4 Fasa Pengujian

Sistem yang dibangunkan akan melalui fasa pengujian. Fasa ini menguji sistem agak keseluruhan sistem berfungsi dengan baik dan mencapai objektif. Sistem ini akan digunakan oleh beberapa pengguna yang terpilih bagi mendapatkan maklum balas dari segi kecekapan sistem ini. Sistem yang baik ialah sistem yang memenuhi keperluan pengguna. Setiap kelemahan sistem akan dibaiki berdasarkan maklum balas daripada pengguna.

4.5 Fasa Penyelenggaraan

Fasa penyelenggaraan merupakan peringkat akhir iaitu proses mengubah suai sistem berdasarkan maklum balas pengguna semasa fasa pengujian. Fasa ini ialah fasa untuk memperbaiki sistem yang telah dibangunkan sebelum pengguna menggunakan sistem secara keseluruhan. Penambahbaikan boleh dilakukan dalam fasa ini termasuk memastikan sistem lebih memenuhi keperluan pengguna.


Rajah 1 menunjukkan 'Waterfall model' yang digunakan dalam kajian pembangunan sistem promosi buku baharu.




Rajah 1 'Waterfall Model'

5 HASIL KAJIAN

Projek pembangunan sistem promosi Buku Baharu secara keseluruhannya telah berjaya disiapkan dan mencapai objektif yang disasarkan iaitu mempromosikan buku baharu edisi terkini kepada mahasiswa UKM terutamanya kepada palajar UKM. Rajah 2 menunjukkan promosi buku pada halaman utama FTSM. Rajah 3 menunjukkan antaramuka sistem yang telah dibangunkan dan memenuhi objektif kajian yang disasarkan.




Rajah 2 Antaramuka Promosi Buku Baharu



Rajah 3 Antaramuka Sistem Promosi Buku Baharu

Rajah 4 menunjukkan antara muka log masuk pengguna iaitu pustakawan sahaja. Fungsi ini membolehkan log masuk kepada sistem untuk mencipta dan mengemaskini maklumat serta data buku-buku baharu. Rajah 5 menunjukkan antara muka mencipta promosi buku baharu. Antara muka ini ditanggungjawabkan kepada pustakawan untuk mencipta dan mengemaskini maklumat serta data koleksi buku baharu yang telah diperuntukkan oleh perpustakaan.



SIGN IN

Hello, Welcome to your account.


Email Address *

Password *

[Forgot your Password?](#)

LOGIN

Rajah 4 Antaramuka Log Masuk Sistem



Home Create / Add Promotion Books Edit / Delete Promotion Books

Search here... Catalogue

FTSM BOOK STORE

CREATE A NEW BOOKS

Book ID *

Category *
Please select

SubCategory *
Please select

Name *

Author *

Price *
RM

Price Before Discount *
RM

Description *

Year *
Please select


Image *
Choose File No file chosen

Availability *
Please select

ADD

Rajah 5 Antaramuka Mencipta Promosi Buku Baharu

Rajah 6 menunjukkan antaramuka menentukan kategori buku. Antara muka ini adalah ditanggungjawabkan kepada pustakawan untuk menentukan kategori buku yang telah diperuntukkan kepada fakulti. Pengguna mudah memahami fungsi sistem ini kerana reka bentuk antara muka dan penggunaan perkataan yang ringkas.



Rajah 6 Antaramuka Menentukan Kategori Buku

6 KESIMPULAN

Sistem ini akan dijangka dapat membantu pengguna iaitu mahasiswa UKM mengetahui promosi buku baharu yang telah diperuntukkan oleh perpustakaan. Kemudahan ini memudahkan pengguna untuk mengetahui promosi buku pada bila-bila masa. Sistem ini boleh didapati pada halaman utama FTSM.

Sistem ini juga dibangunkan supaya pengurusan buku baharu dapat berjalan dengan lebih tersusun dan mudah disemak. Sistem ini juga mudah digunakan kerana reka bentuk antara muka yang ringkas dan penggunaan perkataan yang mudah difahami.

7 RUJUKAN

Liyana Abdul Halim,2014. Sistem e-tesis: Kajian di FTSM. Tesis Sarjana Muda,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia, (n.d.). Retrieved from <https://pnm.elib.com.my/>

Kedai Buku Online, (n.d.). Retrieved from <https://bookcafe.com.my/>

Beli Buku Online (BBO), (n.d.). Retrieved from <https://belibukuonline.com.my/>

Karch, Maziah.2011.Android tablets made simple.[New York] : Apress, 2011.

Lucy A. Tedd, J. A. Large.2005. Digital Libraries Principles and Practice in a Global Environment.

Retrieved from

https://books.google.com.my/books?id=3jFgeRT_YW0C&printsec=frontcover&source=gbs_ge_summary_r&cad=0#v=onepage&q&f=false

Mobile Application Development : Web vs Native. Retrieved from

<https://pdfs.semanticscholar.org/62c0/abcc90285e9913d576c8b2acd5339e6d6b9e.pdf>